



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

RM4.5 JUTA PERUNTUKAN KHAS UNTUK PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN FT50 BATU PAHAT – MERSING

KLUANG, JOHOR - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah turun padang meninjau keadaan Jalan Persekutuan Batu Pahat - Mersing FT50 Seksyen 52.9-55.0 dalam Daerah Kluang yang memerlukan kerja penyenggaraan permukaan jalan atau kerja berkala pavemen.

2. Kementerian Kerja Raya (KKR) telah meluluskan peruntukan khas di bawah Program Penyenggaraan Berkala Pavemen berjumlah RM 4.5 juta khusus untuk segmen jalan ini pada 4 September 2024. Kerja – kerja telah bermula pada 5 September 2024 dan dijadualkan siap pada November 2024.

3. Kerja yang sedang dilaksanakan termasuklah kerja - kerja menaik taraf permukaan jalan FT50 yang merupakan jalan dua hala empat lorong dan skop kerja melibatkan kerja -kerja *mill and pave*, pembinaan semula serta membuat garisan jalan.

4. KKR berharap pasukan pemantau dan syarikat konsesi penyenggaraan dapat melaksanakan program kerja yang telah diluluskan berdasarkan jumlah siling kelulusan dan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa demi manfaat 175,000 pengguna yang menggunakan jalan raya itu.

5. Fokus berterusan terhadap jalan raya ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani dalam membina rangkaian jalan raya selaras dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
25 SEPTEMBER 2024